



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG  
PARAS 22  
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)  
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)  
Faks: 04 - 2619588  
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTGPP/PHMT/S/672/26 (7)  
Tarikh : 5 Januari 2023

Penang Bar Council  
No. 4, First Floor,  
Greenhall, Jalan Green Hall,  
10200 Georgetown,  
**PULAU PINANG**

Tuan/Puan,

**PENGECUALIAN PENUH BAYARAN FI PEMROSESAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN (DHKK) PENDUA ROSAK BAGI NEGERI-NEGERI  
TERLIBAT DENGAN BENCANA BANJIR TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Untuk makluman tuan/puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.32/2022 pada 7 Disember 2022 dan disahkan pada 14 Disember 2022 telah meluluskan permohonan pengecualian bayaran fi sebanyak RM400.00 bagi pemprosesan Dokumen Hakmilik Keluaran (DHKK) pendua yang rosak kepada negeri-negeri yang terlibat dengan bencana banjir pada tahun 2021. Pemberian pengecualian permohonan tersebut adalah untuk tempoh sehingga 31 Mac 2023 sahaja. Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut adalah tidak layak dipertimbangkan.

3. Semua permohonan pengecualian yang dikemukakan mestilah disertakan surat pengesahan banjir dari Pejabat Tanah dan Daerah di mana banjir telah berlaku. Senarai semak dokumen permohonan pengeluaran hakmilik adalah seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SYAZMIN BIN BAHAROM SHAH)**  
Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)  
b.p.Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

...2



SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS  
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH

**SENARAI EDARAN :**



Wisma Badan Peguam Malaysia  
2 Leboh Pasar Besar  
**50050 Kuala Lumpur**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGELUARAN HAKMILIK SAMBUNGAN ATAU  
PENDUA MENURUT SEKSYEN 166(1)(d) DAN 187B(1)(b) KANUN TANAH NEGARA 1965  
AKIBAT BANJIR**

BIL	PERKARA	TANDA ( / )
1	Surat Pengesahan banjir dari Pejabat Tanah & Daerah	<input type="checkbox"/>
2	Fi permohonan RM400 bagi setiap hakmilik (Dikecualikan).	<input type="checkbox"/>
3	Surat Permohonan.	<input type="checkbox"/>
4	Surat Akuan Berkanun daripada pemilik tanah / pihak berkepentingan yang menghilangkan hakmilik berkeajaan. [Mengandungi maklumat lengkap hakmilik mengenai status rosak/hilang hakmilik yang terlibat (No.Hakmilik, No. Lot, Mukim / Seksyen dan daerah).	<input type="checkbox"/>
5	Salinan kad pengenalan yang diakui sah (Setiap Pemilik berdaftar/Pihak Berkepentingan).	<input type="checkbox"/>
6	Salinan cukai tanah semasa yang telah dijelaskan (Dikecualikan).	<input type="checkbox"/>
7	<b>Jika pemilik telah meninggal dunia :-</b>	
a)	<i>Letter of Administration</i> yang diakui sah atau,	<input type="checkbox"/>
b)	<i>Grant of Probate</i> yang diakui sah beserta wasiat yang diakui sah atau,	<input type="checkbox"/>
c)	Perintah Pembahagian Harta Pesaka (Borang E) asal / salinan yang diakui sah.	<input type="checkbox"/>
d)	Surat mati yang diakui sah.	<input type="checkbox"/>
8	<b>Bagi Syarikat :</b>	
a)	Salinan kad pengenalan bagi Pengarah Syarikat / Setiausaha yang diakui sah.	<input type="checkbox"/>
b)	Resolusi Syarikat untuk memohon hakmilik pendua (Asal).	<input type="checkbox"/>
c)	<i>Form 24, 44 &amp; 49</i> Syarikat yang disahkan.	<input type="checkbox"/>
d)	Memorandum & Artikel Syarikat yang disahkan.	<input type="checkbox"/>
9	<b>Bagi Koperasi/Persatuan :</b> Sila sertakan minit mesyuarat/buku undang-undang kecil/pendaftaran persatuan	<input type="checkbox"/>
10	* Jika masih terdapat Gadaian , sila sertakan surat kebenaran daripada pihak yang berkaitam untuk permohonan ini.	
11	* Jika terlibat dengan pelikuidasi, sila sertakan surat daripada Jabatan Insolvensi	
	WAKIL PENTADIRAN (BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK TINGKAT 21): PUAN MIMI SYAFEENA/ENCIK ROHAIZAD DI TALIAN : 04-6505422(TEL) 04-2612564(FAX) Emel : sernakanptg21@gmail.com	